



**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MPKB-BRI) 2019**  
**SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN**

- 1) Suatu iklan yang dipamerkan hendaklah menggunakan tulisan Jawi dan huruf-huruf jawi tersebut hendaklah:-
  - a) Berukuran lebih besar atau sama besar dengan huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Kebangsaan atau mana-mana bahasa lain yang digunakan;
  - b) diletak di bahagian atas Bahasa Kebangsaan dan tulisan lain di bahagian bawah; dan
  - c) dieja dengan betul.
- 2) Suatu iklan hendaklah dalam bahasa kebangsaan samaada dengan sendirinya atau bersama mana-mana bahasa yang lain.
- 3) Jika bahasa kebangsaan dan mana-mana bahasa yang lain digunakan dalam apa-apa iklan:
  - a) Tiap-tiap maklumat yang diberi dalam bahasa lain itu hendaklah juga diberi dalam bahasa kebangsaan;
  - b) Huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah berukuran lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan-tulisan bagi perkataan-perkataan dalam bahasa yang lain itu hendaklah diberi penonjolan;
  - c) Bahasa kebangsaan hendaklah dibawah daripada tulisan jawi dan tulisan bahasa lain dibawah.

**PERINGATAN :**

- i) Suatu iklan yang dipohon hendaklah mempamerkan jenis aktiviti premis atau kategori perniagaan syarikat tersebut.
- ii) Apa-apa iklan yang hendak dipamer hendaklah mengemukakan permohonan kepada Majlis dan mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu sebelum iklan berkenaan dipamerkan.
- iii) Bentuk/kata Akronim tidak perlu dijawikan.
- iv) Bahasa inggeris tidak perlu dijawikan.
- v) Suatu papan iklan hendaklah diletakkan nama hakmilik syarikat yang berdaftar dengan MPKB-BRI di sebelah bawah papan iklan.
- vi) Suatu papan iklan hendaklah diletakkan nombor lesen MPKB-BRI di sebelah bawah penjuru kanan papan iklan tersebut.